

Syarat-Syarat Kelulusan Lesen Penjaja Pasar Harian

1. Lesen ini sah selama satu tahun dari tarikh pembayaran dan hendaklah diperbaharui tujuh(7) hari sebelum tamat tempoh lesen.
2. Pelesen hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Penjaja Majlis Daerah Selama 1985 dan Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam Majlis Daerah Selama 1985.
3. Pelesen hendaklah menjaga tapak/petak perniagaannya sentiasa dalam keadaan bersih.
4. Pelesen tidak boleh membenarkan cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu dilonggok, ditumpah atau diserak ke dalam longkang atau lain-lain tempat.
5. Sampah sarap dan sisa jualan hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah disediakan.
6. Pelesen hendaklah memastikan yang keadaan bersesak-sesak tidak berlaku.
7. Pelesen tidak boleh membakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap secara terbuka.
8. Peniaga-Peniaga yang mengendalikan makanan atau minuman perlu:-
 - a. Hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan diakui layak untuk mengendali makanan oleh Pegawai Perubatan
 - b. Menjaga kebersihan diri dan peralatan makanan dan pengendali makanan hendaklah
 - c. memakai apron dan penutup kepala.
 - d. Tidak mencemarkan makanan yang telah dimasak/sedia dihidang, gunakan penyepit atau sendok, melindungi makanan dari dicemari lalat.
 - e. Tidak menggunakan peralatan yang kotor, retak atau sumbing dan tidak menggunakan kertas bercetak untuk membungkus makanan.
 - f. Pelesen juga hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan Majlis Daerah Selama 1984.
9. Sekiranya tuan/puan tidak hadir berniaga dalam tempoh tiga (3) kali berturut-turut tanpa memberi apa-apa sebab kepada pegawai yang menjalankan tugas, maka tempat tersebut akan diberikan kepada peniaga lain.
10. Mematuhi arahan Yang Dipertua Majlis Daerah Selama dari masa ke semasa.

Pelanggaran mana-mana syarat di atas adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun.

Dengan Perintah,

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SELAMA